

PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI REMAJA ISLAM: SATU TINJAUAN AWAL

SOCIO-ECONOMIC DEVELOPMENT FOR ISLAMIC YOUTH: A PRELIMINARY OVERVIEW

Nurfarhana Mohd Daud^{1*}
Mohamad Zaim Ismail²
Munirah Zakaria³
Ahmad Fuzi Md Ajis⁴
Nur Fatihah Shaari⁵
Fatin Farazh Ya'acob⁶

¹ Pensyarah Kanan: Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 85000 Segamat, Johor, Malaysia (E-mail: nurfarhana0953@uitm.edu.my)

² Pensyarah Kanan: Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 85000 Segamat, Johor, Malaysia (E-mail: mohamadzaim@uitm.edu.my)

³ Pensyarah Kanan: Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 85000 Segamat, Johor, Malaysia (E-mail: munirah188@uitm.edu.my)

⁴ Pensyarah Kanan: Fakulti Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA, 85000 Segamat, Johor, Malaysia (E-mail: ahmadfuzi@uitm.edu.my)

⁵ Pensyarah Kanan: Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, 85000 Segamat, Johor, Malaysia (E-mail: fatihahshaari@uitm.edu.my)

⁶ Pensyarah Kanan: Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, 85000 Segamat, Johor, Malaysia (E-mail: fatinfarazh@uitm.edu.my)

*Corresponding author: nurfarhana0953@uitm.edu.my

Article history

Received date : 4-9-2025
Revised date : 5-9-2025
Accepted date : 14-10-2025
Published date : 15-10-2025

To cite this document:

Daud, N. M., Ismail, M. Z., Zakaria, M., Md Ajis, A. F., Shaari, N. F., & Ya'acob, F. F. (2025). Pembangunan sosioekonomi remaja Islam: Satu tinjauan awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 1094 -1107.

Abstrak: *Pembangunan remaja adalah penting dan merupakan cerminan pembangunan negara di peringkat domestik dan antarabangsa. Masyarakat Malaysia juga semakin prihatin dengan masalah dan kesukaran yang dihadapi oleh remaja. Untuk memastikan negara mempunyai remaja yang positif, penyelesaian yang harus diambil juga perlu diperhatikan. Walau bagaimanapun, banyak kajian dan laporan mendapati bahawa permasalahan sosioekonomi bagi golongan belia semakin parah. Situasi ini dapat dilihat apabila berlaku peningkatan isu kesihatan mental di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Justeru itu, objektif kajian ini adalah sebagai satu tinjauan awal pembangunan sosioekonomi remaja Islam ke arah pembentukan indikator kesejahteraan hidup belia Islam. Dalam pada itu, kajian juga menjelaskan konsep sosioekonomi remaja Islam melalui pendekatan maqasid Syariah. Kajian yang dilaksanakan ini menggunakan bentuk kualitatif melalui metode perezustakaan. Data yang dikumpul adalah bersumberkan rujukan primer dan sekunder daripada karya ulama kontemporari, artikel jurnal, tesis, buku ilmiah dan laporan penyelidikan. Manakala data dianalisis melalui pendekatan analisis kandungan melalui tema yang ditetapkan. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa indikator kesejahteraan hidup belia Islam yang perlu*

dititikberatkan. Antara indikator yang difokuskan adalah pendidikan, kesihatan, pemeraksanaan ekonomi dan tanggungjawab sosial dalam mencapai keseimbangan dan keharmonian sosioekonomi dalam kehidupan. Indikator ini sangat bertepatan dengan Maqasid Syariah iaitu menjaga agama (*Hifz ad-Din*), menjaga nyawa (*Hifz an-Nafs*), menjaga akal (*Hifz al-'Aql*), menjaga keturunan (*Hifz an-Nasb*) dan menjaga harta (*Hifz al-Mal*).

Kata Kunci: sosioekonomi, remaja, Islam, kesejahteraan, indikator

Abstract: Youth development is important and is a reflection of national development at the domestic and international levels. Malaysian society is also increasingly concerned about the problems and difficulties faced by youth. To ensure that the country has positive youth, solutions that need to be taken also need to be thought of. However, many studies and reports have found that the socio-economic problems of youth are becoming more acute. This situation can be seen when there is an increase in mental health issues at the national and international levels. Therefore, the objective of this study is as an initial review of the socio-economic development of Islamic youth towards the formation of indicators of Islamic youth well-being. In the meantime, the study also explains the concept of socio-economic development of Islamic youth through the maqasid Syariah approach. This study was conducted using a qualitative form through the library method. The data collected were sourced from primary and secondary references from contemporary scholarly works, journal articles, theses, academic books and research reports. While the data was analyzed through a content analysis approach through a predetermined theme. The results of the study found that there are several indicators of Islamic youth well-being that need to be emphasized. Among the indicators that are focused on are education, health, economic empowerment and social responsibility in achieving socio-economic balance and harmony in life. These indicators are very consistent with the maqasid syariah, namely safeguarding religion (*Hifz ad-Din*), safeguarding life (*Hifz an-Nafs*), safeguarding reason (*Hifz al-'Aql*), safeguarding lineage (*Hifz an-Nasb*) and safeguarding property (*Hifz al-Mal*).

Keywords: socioeconomics, youth, Islam, well-being, indicators

Pengenalan

Berlandaskan kepada Model Pembangunan Belia MADANI 2023 (MPBM2030), golongan belia memainkan peranan yang penting dalam mengisi matlamat negara. MPBM2030 menegakkan akan memberi pelbagai manfaat kepada generasi belia terutamanya dalam meningkatkan sosioekonomi melalui pendidikan berkualiti, pekerjaan, pengukuhan perpaduan dan sosialisasi politik. Meskipun transformasi kebiasaannya dilihat membawa perubahan positif tetapi dalam masa yang sama, kadangkala ianya memberi implikasi negatif terhadap pembangunan kerana kurangnya persediaan penduduk tempatan dalam proses menerima perubahan akibat daripada pembangunan (Samruhaizad & Jamaluddin, 2012). Oleh itu, sesebuah masyarakat itu perlu bersedia dengan proses perubahan yang diterima kerana kadangkala kemajuan ekonomi melebihi kemampuan persekitaran fizikal untuk mengekalkan kelestariannya.

Pembangunan sosioekonomi remaja Muslim menjadi aspek penting dalam menjamin kesejahteraan masyarakat Islam secara menyeluruh. Dalam konteks Malaysia, golongan belia mewakili sebahagian besar tenaga kerja dan merupakan aset penting dalam pembangunan negara. Namun, kesejahteraan sosioekonomi remaja Muslim masih menunjukkan beberapa

cabaran yang ketara. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2024), kadar pengangguran belia berumur antara 15 hingga 24 tahun berada pada tahap 10.6%, manakala Laporan Bank Negara Malaysia (BNM, 2024) menunjukkan hanya 36% daripada belia Muslim mencapai tahap literasi kewangan yang memuaskan, dan lebih separuh (54%) tidak mempunyai simpanan kecemasan mencukupi bagi tempoh tiga bulan. Situasi ini menggambarkan tahap kesejahteraan sosioekonomi yang belum stabil dan menuntut perhatian serius terhadap strategi pembangunan belia berteraskan nilai Islam.

Walaupun pelbagai kajian telah meneliti pembangunan belia dalam kerangka Islam, sebahagian besarnya masih bersifat normatif dan deskriptif, dengan penekanan terhadap aspek moral dan spiritual semata-mata (Hashim & Yusof, 2019; Mohd Shukri et al., 2021). Kajian empirikal yang menilai dimensi sosioekonomi belia Muslim berasaskan perspektif maqasid syariah masih terhad, terutamanya dalam konteks Malaysia. Jurang ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana nilai-nilai maqasid syariah dapat diterjemahkan ke dalam kesejahteraan ekonomi, sosial, dan spiritual remaja Muslim dalam realiti semasa.

Tambahan pula, model sosioekonomi yang digunakan secara meluas, seperti model pembangunan modal insan atau keusahawanan sosial, masih berpaksikan kerangka sekular Barat yang menekankan materialisme dan produktiviti tanpa mengambil kira keseimbangan spiritual (*Hifz al-Din*), intelektual (*Hifz al-'Aql*), dan moral (*Hifz al-Nafs*). Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi jurang literatur dengan memperkenalkan model sosioekonomi remaja Muslim yang dibina berasaskan maqasid syariah, sebagai alternatif Islamik yang lebih holistik dan kontekstual terhadap pembangunan belia.

Kajian ini bukan sahaja menawarkan analisis konseptual, tetapi juga menggunakan pendekatan analisis dokumen secara kualitatif untuk mengenal pasti tema-tema utama yang mencerminkan kesejahteraan sosioekonomi belia Muslim melalui lima dimensi maqasid syariah. Dengan itu, artikel ini diharap dapat menyumbang kepada wacana pembangunan Islam secara teori dan praktikal, serta memberi panduan kepada pembuat dasar dalam merangka strategi pembangunan belia Islam yang lebih seimbang dan berkesan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah sebagai satu tinjauan awal pembangunan sosioekonomi remaja Islam ke arah pembentukan indikator kesejahteraan hidup belia Islam. Dalam pada itu, kajian juga menjelaskan konsep sosioekonomi remaja Islam melalui pendekatan maqasid syariah. Indikator ini sangat bertepatan dengan Maqasid Syariah iaitu menjaga agama (*Hifz ad-Din*), menjaga nyawa (*Hifz an-Nafs*), menjaga akal (*Hifz al-'Aql*), menjaga keturunan (*Hifz an-Nasb*) dan menjaga harta (*Hifz al-Mal*).

Tinjauan Literatur

Pembangunan Belia dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

Malaysia merupakan antara negara yang giat berusaha mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 2015. Sebelum kemunculan SDG, PBB telah melaksanakan Millenium Development Goals, namun hasilnya tidak berjaya dicapai sepenuhnya (Mahadi et al., 2022). Walau bagaimanapun, usaha kerajaan untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan ini tidak mudah untuk dilaksanakan kerana golongan belia di Malaysia masih ada yang terlibat dengan permasalahan sosial seperti

penyalahgunaan dadah (Mohamad Japeri, 2022) dan juga masalah ekonomi seperti pengangguran (Abdul Aziz, 2020).

Peranan Belia dalam Pembangunan Negara

Satu kajian yang dijalankan oleh Mahadi et al., (2022) dengan tajuk Pembangunan Belia Malaysia dan Sustainable Development Goals (SDG): Satu Analisis Kritis Dari Perspektif Islam dan Kepimpinan mendapati bahawa golongan belia memainkan peranan penting dalam usaha mencapai SDG. Nilai positif harus diterapkan dalam diri belia bagi melahirkan nilai murni di kalangan anggota masyarakat. Malah model kepimpinan belia mengikut kerangka Islam yang diwujudkan adalah mesti berperwatakan khalifah yang berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah (Mahadi et al., 2022 & Raquib et al., 2020). Jadi, jelas di sini bahawa golongan belia adalah aset negara dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) tidak akan mampu dicapai oleh pihak kerajaan semata-mata tanpa bantuan golongan belia. Dan bagi mencapai tujuan ini, semua pihak berkepentingan harus berganding bahu membangun dan memperkasa sosioekonomi golongan belia di Malaysia.

Elemen Sosioekonomi dalam Pembangunan Belia

Pembangunan sosioekonomi di kalangan belia merujuk kepada peluang yang diberikan kepada golongan belia untuk mencapai potensi diri agar boleh menyumbang kepada komuniti dan mempunyai kualiti hidup yang lebih baik. Antara elemen penting yang perlu dititikberatkan dalam pembangunan sosioekonomi belia adalah pendidikan dan modal insan (Othman et al. 2021 & Rasiah et al., 2021), pekerjaan (Nurhadhinah & Dayangku Aslinah, 2020; Abdul Rashid, 2020), kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental (Custodio et al., 2022; Nasir et al., 2023 & Abdul Kadir, 2021), penyertaan sosial (Sedaghatnia et al., 2018; Hussain & Yasin, 2016; Rahman, 2020 & Mohd Nor et al., 2018), penglibatan sivik (Kamri et al., 2019; Ismayuddin & Besar, 2022 & Ahmad et al., 2022), pemerkasaan ekonomi (Ab. Ghani et al., 2020; Ariffin, 2021; Yubidi & Othman, 2022, Ab. Ghani et al., 2021), kemahiran digital (Mahadir et al., 2021; Umar et al., 2021 & Pandian et al., 2020) dan dasar mesra belia (Baskaran et al., 2020 & AM Ramy et al., 2018).

Penelitian terhadap kajian terdahulu menunjukkan terdapat beberapa model pembangunan sosioekonomi yang menggunakan domain dan atribut yang berbeza antara satu sama lain. Antaranya kajian oleh Roztocky et al., (2019) bertajuk *The Role of Information and Communication Technologies in Socioeconomic Development: Towards a Multi-dimensional Framework* mengetengahkan empat dimensi yang relevan dengan pembangunan sosioekonomi; iaitu masyarakat, teknologi, perniagaan dan polisi. Kerangka pelbagai dimensi yang diperkenalkan ini mengetengahkan peranan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembangunan sosioekonomi. Menurut Roztocky et al., (2019), mereka mendefinisikan teknologi sebagai 'apa sahaja yang boleh dilihat atau tidak, yang boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi, industri atau budaya sesebuah negara' seperti yang dicadangkan oleh Haug (1992). Ianya difahami secara meluas sebagai kombinasi perkakasan, perisian dan jaringan komunikasi (Borgmann, 2006) yang membolehkan maklumat-maklumat elektronik disimpan, diproses dan dipindahkan. Dalam konteks ini, Teknologi Maklumat dan Komunikasi adalah penting dalam mengekalkan aktiviti perniagaan dan pembangunan sosioekonomi.

Manakala kajian oleh Custodio et al., (2023) bertajuk *A Review of Socioeconomic Indicators of Sustainability and Well-Being Building on the Social Foundations' Framework* mencadangkan tiga asas sosial yang baharu; iaitu keluarga dan hubungan, persepsi diri dan keselamatan sosial. Menurut kajian ini, terdapat beberapa indikator lain yang tidak disentuh

dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) terutamanya yang berkaitan dengan kebahagiaan, harapan, impian, kemajuan peribadi, latar belakang etnik dan budaya, penampilan fizikal dan kecerdasan. Indikator baru yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menjadikan konsep ruang yang selamat dan adil dalam SDG lebih inklusif dan menyeluruh.

Sementara itu, model yang dibina oleh Rublev et al., (2021) dalam kajiannya bertajuk Socio-economic Model of Sustainable Development agak berbeza, kerana ia menekankan aspek spiritual dalam pembangunan sosioekonomi. Menurut kajian ini, aspek spiritual patut dilihat melalui struktur dalaman seseorang kerana ianya menentukan kelakuan dan aktiviti. Model Pembangunan Mampan Sosioekonomi ini mencadangkan tiga bahagian asas interaksi sosioekonomi antara masyarakat dan individu; iaitu asas sosial, ekonomi dan spiritual. Oleh kerana di tengah-tengah sistem sosioekonomi masyarakat moden hari ini terdapat manusia, maka prinsip-prinsip spiritual yang merupakan fitrah manusia sepatutnya diambil kira dan turut dibina dalam pembangunan mampan sosioekonomi. Dalam konteks ini, setiap individu dipercayai mempunyai matlamat tersendiri yang mungkin berbeza antara satu sama lain. Ketiga-tiga elemen ini didapati saling berinteraksi dan membentuk satu interaksi sosioekonomi yang memfokuskan kepada manusia. Walau bagaimanapun, menurut Rublev et al., (2021), proses mengekalkan kelestarian sosioekonomi masyarakat adalah tidak mudah dan seseorang itu mesti memastikan sendiri kualiti ketiga-tiga asas ini, di mana ianya saling berkait antara satu sama lain.

Pratiwi (2023) pula menggunakan Model Pembangunan Ibnu Khaldun untuk mengukur pembangunan sosioekonomi negara-negara Islam. Dalam kajiannya; Socioeconomic Development in Muslim Countries: Ibn Khaldun's Development Model-Based Approach, satu Indeks Komposit Pembangunan telah dicadangkan berdasarkan tiga dimensi; iaitu pemerksaan manusia, kerajaan dan institusi, serta pertumbuhan ekonomi yang kemudian dinamakan sebagai Indeks Pembangunan Sosioekonomi Ibnu Khaldun (I-SDI). Sebanyak tiga belas indikator telah dipilih mewakili setiap dimensi dan dianalisa menggunakan kaedah berwajaran sama dan pendekatan pengagregatan tambahan. Hasil kajian mendapati prestasi sosioekonomi di kebanyakan negara Islam berada di tahap rendah dengan catatan nilai I-SDI yang rendah. Manakala negara-negara Islam yang mencatat nilai I-SDI yang tinggi dalam dimensi kerajaan dan institusi mempunyai pembangunan sosioekonomi yang lebih baik. Ini bermakna, Model Pembangunan Ibnu Khaldun sangat membantu dalam menjelaskan prestasi sosioekonomi negara-negara Islam.

Kesimpulannya, pembangunan sosioekonomi golongan belia adalah sangat penting dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) negara. Semua pihak harus berganding bahu memartabatkan sosioekonomi belia di Malaysia. Usaha berterusan dan pemantauan daripada pihak berwajib amat perlu dari semasa ke semasa untuk memastikan tiada belia yang tercicir (Alias et al., 2015 & Othman et al., 2021) dalam agenda ini. Di samping itu, satu paradigma tauhid perlu ditekankan kepada golongan belia hari ini agar pegangan agama mereka tidak rapuh. Ini kerana era digitalisasi menampakkan jiwa golongan belia mudah goyah dan tidak tahan cabaran.

Kajian yang lebih kemprehensif dan terperinci mengenai pembangunan sosioekonomi melibatkan kedua-dua aspek fizikal dan spiritual masih diperlukan untuk membantu meningkatkan sosioekonomi belia Islam dalam menghadapi cabaran semasa dengan lebih efektif. Justeru, kajian ini akan memperkenalkan Model Pembangunan Sosioekonomi Belia Islam yang menyeluruh dan menyentuh kedua-dua aspek tersebut.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan yang berpandukan kerangka maqasid syariah. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneliti secara mendalam aspek sosioekonomi remaja Muslim melalui pemetaan lima objektif utama syariah, iaitu pemeliharaan agama (*Hifz al-Din*), nyawa (*Hifz al-Nafs*), akal (*Hifz al-'Aql*), keturunan (*Hifz al-Nasl*), dan harta (*Hifz al-Mal*) (Al-Syatibi, 1997; Auda, 2008).

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen bagi memahami dan meneliti konsep pembangunan sosioekonomi remaja Muslim berdasarkan perspektif maqasid syariah. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menilai dan mentafsir makna tersirat dalam pelbagai sumber ilmiah dan dasar rasmi, selaras dengan objektif kajian yang bersifat konseptual dan normatif (Bowen, 2009; Altheide, 1996).

Sumber Data

Data dikumpulkan melalui analisis dokumen sekunder, yang terdiri daripada:

1. Bahan akademik – artikel jurnal, buku ilmiah, tesis, dan prosiding yang membincangkan pembangunan belia, sosioekonomi Islam, dan maqasid syariah.
2. Dokumen rasmi kerajaan – seperti Youth Development Index Malaysia (KBS, 2023), Laporan Ekonomi Malaysia (EPU, 2024), dan Financial Literacy Report (BNM, 2024).
3. Laporan antarabangsa – termasuk United Nations Sustainable Development Goals (UN, 2015) dan laporan OECD Youth Wellbeing (2023).


Pemilihan dokumen dilakukan secara tujuan (*purposive sampling*) bagi memastikan kesesuaian dengan objektif kajian dan konteks remaja Muslim di Malaysia.

Kaedah Analisis Data

Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Pendekatan ini melibatkan enam peringkat utama:

1. Pengenalan Data: Penyelidik membaca dan menelaah semua dokumen bagi memahami konteks dan makna tersirat.
2. Penjanaan Kod Awal: Kod dicipta berdasarkan frasa, konsep, atau prinsip yang berulang dalam teks (contohnya: “pendidikan Islam”, “kesejahteraan ekonomi”, “keadilan sosial”).
3. Pengenalpastian Tema: Kod-kod tersebut dikelompokkan kepada tema utama yang menggambarkan dimensi maqasid syariah.
4. Semakan Tema: Tema disemak semula untuk memastikan kesepadanan dengan objektif kajian.
5. Pementasan Tema: Tema dipersembahkan dalam bentuk jadual dan model konseptual.
6. Penulisan Naratif: Hasil analisis diterjemahkan ke dalam bentuk naratif akademik yang menghubungkan dapatan dengan teori maqasid syariah.

Perbincangan



Jadual 1: Rangka kerja Pembangunan Sosioekonomi Belia Islam

Sumber: Darrin, Fors & Kreholt (2017)

Jadual 1 menunjukkan rangka kerja pembangunan sosioekonomi belia Islam. Dalam rangka kerja yang dibuat, terdapat lapan pemboleh ubah bebas bagi mempengaruhi pembangunan sosioekonomi belia Islam.

1. Pendidikan

Elemen pendidikan begitu penting di kalangan belia Islam terutama belia. Selain keperluan dalam memastikan akses kepada pendidikan yang berkualiti serta program pembangunan kemahiran yang bersistematik, keperluan melengkapkan golongan muda dengan pengetahuan dan kebolehan turut diperlukan untuk keberjayaan dalam pasaran kerja dan kehidupan.

2. Pekerjaan

Mewujudkan peluang pekerjaan dan mempromosikan pekerjaan yang layak untuk belia Islam, mengurangkan pengangguran belia, dan menyokong keusahawanan dan inovasi.

3. Kesihatan

Memastikan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, sokongan kesihatan mental, dan menggalakkan gaya hidup sihat untuk meningkatkan kesejahteraan keseluruhan golongan muda.

4. Tanggungjawab Sosial

Mengurangkan ketidaksamaan dan diskriminasi berdasarkan jantina atau latar belakang sosio-ekonomi, dan menggalakkan kemasukan belia terpinggir dalam semua aspek masyarakat.

5. Penglibatan Sivik

Menggalakkan belia untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses membuat keputusan, pembangunan komuniti, dan inisiatif sosial untuk memupuk rasa tanggungjawab dan kekitaan.

6. Pemerkasaan Ekonomi

Menyediakan akses kepada sumber kewangan, latihan dan sokongan untuk golongan muda untuk membangunkan perniagaan mereka sendiri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

7. Kemahiran Digital

Menyedari kepentingan literasi digital dan memastikan golongan muda mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk mengemudi dunia digital dan menggunakan teknologi untuk pembangunan peribadi dan profesional.

8. Dasar Mesra Belia

Melaksanakan dasar yang memenuhi keperluan dan aspirasi khusus golongan muda, mewujudkan persekitaran yang membolehkan pertumbuhan dan pembangunan mereka.

Berdasarkan analisis dokumen terhadap pelbagai sumber ilmiah, laporan kerajaan dan antarabangsa, kajian ini mengenal pasti lima tema utama yang menggambarkan dimensi pembangunan sosioekonomi remaja Muslim menurut perspektif maqasid syariah. Lima tema ini mencerminkan keseimbangan antara aspek spiritual, sosial, intelektual dan ekonomi dalam kehidupan remaja Muslim masa kini.

Jadual 2: Model Sosioekonomi Remaja Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah

Maqasid syariah	Tema Fokus Pembangunan Remaja	Aktor sokongan	Sumber akademik
<i>Hifz al-Din</i> (pemeliharaan agama)	Penekanan kepada pendidikan agama, penghayatan nilai Islam, dakwah digital dan pembentukan gaya hidup halal sebagai asas kepada identiti remaja Muslim.	Keluarga, sekolah, masjid, pertubuhan belia dan NGO.	Al-Syatibi (1997); Auda (2008); Hashim (2019)

<i>Hifz al-Nafs</i> (pemeliharaan nyawa dan diri)	Pemeliharaan kesihatan fizikal dan mental remaja serta jaminan keselamatan sosial bagi mengelakkan gejala sosial dan risiko keruntuhan akhlak.	Kerajaan, komuniti setempat, pusat kesihatan belia dan institusi keselamatan sosial.	Yusoff (2016); Hashim & Yusof (2020)
<i>Hifz al-'Aql</i> (pemeliharaan akal)	Pembangunan keilmuan, penguasaan literasi digital, serta latihan kemahiran sebagai persediaan menghadapi cabaran globalisasi.	Institusi pendidikan, pusat latihan kemahiran, mentor profesional.	Dusuki & Abdullah (2007); Auda (2010)
<i>Hifz al-Nasl</i> (pemeliharaan keturunan)	Pendidikan moral dan akhlak, pengukuhan institusi keluarga serta bimbingan praperkahwinan untuk melahirkan generasi berakhlak mulia.	Keluarga, kaunselor, organisasi belia, institusi agama.	Hashim & Yusof (2020); Hashim (2019)
<i>Hifz al-Mal</i> (pemeliharaan harta dan ekonomi)	Literasi kewangan Islam, budaya menabung dan penyertaan dalam peluang ekonomi halal melalui instrumen kewangan patuh syariah.	Bank Islam, fintech, kerajaan, koperasi dan institusi kewangan Islam.	Laldin & Furqani (2013); Auda (2010)

Jadual 2 menunjukkan bahawa pembangunan sosioekonomi remaja Muslim perlu dilihat melalui kerangka Maqasid Syariah yang menekankan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Setiap dimensi memerlukan aktor sokongan yang berbeza, melibatkan keluarga, institusi pendidikan, kerajaan, komuniti serta institusi kewangan Islam. Kajian al-Syatibi (1997) dan Auda (2008; 2010) memberikan asas teoritikal maqasid syariah, manakala sarjana kontemporari seperti Dusuki dan Abdullah (2007), Hashim (2019), Hashim dan Yusof (2020), serta Laldin dan Furqani (2013) memperkukuh analisis aplikasi maqasid dalam konteks pendidikan, sosioekonomi dan pembangunan belia Muslim.

Tema-tema yang dikenalpasti dalam Jadual 2 memperlihatkan bahawa kesejahteraan sosioekonomi remaja Muslim tidak boleh dilihat dari sudut material semata-mata. Sebaliknya, pembangunan yang seimbang antara aspek spiritual (*Hifz al-Din*), kesejahteraan diri (*Hifz al-Nafs*), keilmuan (*Hifz al-'Aql*), hubungan sosial (*Hifz al-Nasl*), dan ekonomi (*Hifz al-Mal*) perlu diberi perhatian. Dapatan ini turut menyokong pandangan Mahadi et al. (2022) bahawa agenda pembangunan belia Islam harus berasaskan paradigma tauhid yang mengintegrasikan akidah, akhlak dan amal dalam kesejahteraan hidup. Oleh itu, kerangka pembangunan sosioekonomi remaja Muslim yang berpaksikan maqasid syariah dilihat lebih komprehensif dan kontekstual bagi menghadapi cabaran era moden.

Model sosioekonomi remaja Muslim berasaskan perspektif maqasid Syariah menekankan lima dimensi utama yang saling melengkapi. Pertama, aspek *hifz al-Din* (pemeliharaan agama) memberi penekanan kepada pendidikan agama, dakwah digital serta oembentukan gaya hidup halal. Remaja yang dibimbing dengan nilai agama yang kukuh akan lebih berupaya menghadapi cabaran moden (Al-Syatibi, 1997; Auda, 2008). Institusi seperti keluarga, sekolah, masjid dan pertubuhan bukan kerajaan berperanan sebagai aktor sokongan utama dalam memastikan nilai agama diaplikasikan secara berkesan (Hashim, 2019).

Kedua, *hifz al-Nafs* (pemeliharaan nyawa dan diri) menekankan kesejahteraan fizikal dan mental remaja serta jaminan keselamatan sosial. Peranan kerajaan, komuniti setempat dan pusat kesihatan belia menjadi faktor penting dalam memastikan keseimbangan kehidupan remaja daripada ancaman gejala sosial dan risiko kesihatan (Yusoff, 2016).

Ketiga, *hifz al-'Aql* (pemeliharaan akal) menuntut agar remaja dibekalkan dengan ilmu, literasi digital dan latihan kemahiran yang relevan dengan keperluan semasa. Institusi pendidikan, pusat latihan dan mentor profesional menjadi penggerak utama dalam memastikan potensi intelektual remaja dapat diperkembangkan ke arah yang positif (Dusuki & Abdullah, 2007).

Keempat, *hifz al-Nasb* (pemeliharaan keturunan) menekankan aspek akhlak, pendidikan moral, institusi keluarga dan bimbingan perkahwinan. Ia bertujuan membina remaja yang berakhlak mulia serta berupaya mengekalkan kesejahteraan institusi keluarga. Sokongan keluarga, kaunselor dan organisasi belia diperlukan untuk membimbing remaja mengharungi cabaran sosial yang berkaitan dengan moral dan hubungan (Hashim & Yusof, 2020).

Akhir sekali, *hifz al-Mal* (pemeliharaan harta dan ekonomi) memberi penekanan kepada literasi kewangan Islam, budaya menabung serta akses kepada peluang ekonomi halal. Pelbagai institusi kewangan Islam, termasuk bank, *fintech*, kerajaan dan koperasi, perlu menyediakan kemudahan dan sokongan bagi memastikan remaja mempunyai daya tahan ekonomi dalam menghadapi cabaran globalisasi (Auda, 2010; Laldin & Furqani, 2013).

Secara keseluruhannya, huraian ini menunjukkan bahawa kerangka sosioekonomi remaja Muslim yang berpaksikan maqasid syariah bukan sahaja menitikberatkan aspek material semata-mata, malah turut memastikan dimensi rohani, akal, moral dan kesejahteraan sosial terpelihara secara menyeluruh.

Kesimpulan

Kajian literatur ini menegaskan bahawa pembangunan sosioekonomi belia merupakan faktor penting dalam merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Malaysia. Walaupun pelbagai model sosioekonomi telah diperkenalkan oleh sarjana terdahulu, kebanyakannya berteraskan kerangka sekular atau memberi tumpuan pada dimensi makro yang tidak sepenuhnya menyentuh keperluan belia Muslim secara khusus. Dapatan ini menunjukkan wujudnya kekurangan dalam model pembangunan sosioekonomi yang menggabungkan aspek fizikal, sosial, ekonomi dan spiritual berlandaskan prinsip Islam.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan pembangunan satu Model Pembangunan Sosioekonomi Belia Islam yang berteraskan *Maqasid Syariah* sebagai kerangka konseptual. Model ini diyakini lebih menyeluruh kerana ia bukan sahaja menekankan keseimbangan aspek material dan spiritual, tetapi juga mampu memperkukuh jati diri belia Muslim dalam menghadapi cabaran era digital. Melalui pendekatan ini, pembangunan belia bukan sekadar

dilihat sebagai pelengkap agenda pembangunan negara, tetapi juga sebagai usaha untuk melahirkan generasi khalifah yang berfungsi sebagai agen kesejahteraan masyarakat dan pembangunan mampan.

Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor atas sokongan dan maklum balas yang sangat baik dalam pembiayaan projek penyelidikan ini di bawah Geran Penyelidikan Bestari Fasa 1/ 2024. Jutaan terima kasih oleh kami para penyelidik atas pembiayaan geran ini.

Rujukan

- A.M. Rami, N. Mamat, R. Abdullah & H.A. Simin. (2018). The Local Leaders Strategy to Empowering Rural Youth in Malaysia: A Qualitative Study. <https://journals.uran.ua>
- Ab. Ghani, S.R., Omar, R, Mat Enh, A. & Kamaruddin, R. (2021). Dakwah ABIM Melalui Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (KBI) 1977-2000. *Al-Hikmah*. 12(1): 53-70.
- Ab. Ghani, S.R., Omar, R, Mat Enh, A. & Kamaruddin, R. (2021). Sumbangan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Terhadap Masyarakat Melayu di Malaysia Dalam Menangani Isu-isu Sosioekonomi, 1971-2000. *Al-‘Abqari*. 24(1): 171-191.
- Abdul Aziz, A. R. (2020). Pengangguran Dalam Kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11): 1-9.
- Abdul Kadir, N.B. & Mohd., R.H. (2021). The 5C of Positive Youth Development, Purpose in Life, Hope and Well-Being Among Emerging Adults in Malaysia. *Journal of Frontiers in Psychology*. Vol.12: 1-10.
- Ahmad, N. A., Ibrahim, N. & Abdul Hamid, A.S. (2022). University Students’ Civic Engagement: The Influencing Factors. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol. 7(8): 1-10.
- Al-Syatibi, I. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari‘ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ali, N. O. & Abd. Rahim, D. A. (2020). Punca Pengangguran dalam Kalangan Belia Luar Bandar di Sarawak. *Jurnal Dunia Perniagaan*. Vol. 2 (4): 44-50.
- Alias, A., Asmah, L.Y., Siti J.A., Zainal, A., & Rozita, A. (2015). Sumber Pengetahuan JKKB Berkaitan Akta Belia dan Pembangunan Belia 2007: Satu Analisa. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*. 1(2): 126-236.
- Altheide, D. L. (1996). *Qualitative media analysis*. Thousand Oaks: Sage.
- Anwar, M. (1995), “Financing Socio-Economic Development With Zakat Funds”, *Journal of Islamic Economics*, vol. 4, no. 1&2, hh. 15-32
- Ariffin, A. S. (2021). Untapped Entrepreneurship Challenges: The Missing Linkages in Supporting the Growth of Grassroots Entrepreneurship in Developing Countries. *Journal of Science Technology and Innovation Policy* 7(2):47-58
- Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shariah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*. London: The International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Bank Negara Malaysia. (2024). *Financial Literacy and Inclusion Report*. Kuala Lumpur: BNM.
- Baskaran, S., Kumar, S. K. B., Samtharam, S. R., Tangaraja, T. & Mahadi, N. (2020). Home Ownership Motivation in Malaysia: A Youth Perspective. • *International Journal of Academic Research in Accounting Finance and Management Sciences* 10 (2): 49-64.
- Borgmann, A. (2006). Technology as a cultural force: For Alena and Griffin. *The Canadian Journal of Sociology*. 31(3): 351–360
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40.*
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.

- Chua, Y. P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Custodio, H. M., Hadjidakou, M., Bryan, B.A. (2023). A Review of Socioeconomic Indicators of Sustainability and Well-Being Building on the Social Foundations' Framework. *International Society for Ecological Economics (ISEE)*. Vol. 203.
- Darin Mattsson, A., Fors, S., & Kreholt, I. P. (2017). Different indicators of socioeconomic position and their relative importance as determinants of health in old age. *Innovation in Aging*, 1(suppl_1), 93-93.
- Department of Statistics Malaysia. (2024). *Key Statistics of Labour Force, Malaysia*. Putrajaya: DOSM.
- Dusuki, A. W., & Abdullah, N. I. (2007). Maqasid al-Shariah, masalah, and corporate social responsibility. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 24(1), 25–45.
- Economic Planning Unit (EPU). (2024). *Laporan Ekonomi Malaysia 2024*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Hashim, N., & Yusof, R. (2019). Islamic perspective on youth development: A conceptual analysis. *Journal of Islamic Studies and Civilization*, 8(2), 45–58.
- Hashim, R. (2019). Pendidikan remaja Muslim dalam konteks Maqasid Syariah. *Jurnal Pendidikan Islam*, 27(2), 15–30.
- Hashim, R., & Yusof, M. (2020). Youth, family and moral development in Islamic perspective. *Journal of Islamic Studies*, 35(1), 45–60.
- Haug, D. M. (1992). The International Transfer of Technology: Lessons That East Europe Can Learn from The Failed Thirdworld Experience. *Harvard Journal of Law & Technology*. 5(2), 209–240.
- Harian Metro. (2022). Ini masa terbaik belia bersuara. Diakses di <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/11/903821/ini-masa-terbaik-belia-bersuara>
- Hussain, T. P. R., & Yasin, L. (2016). Youth and volunteerism in Malaysia: An Empirical Study. *Malaysian Journal of Society and Space*. Vol. 12(10): 183-194).
- Ismayuddin, B. F. & Besar, J. A. (2022). Pandangan Belia Terhadap Isu Sosioekonomi dan Politik di Kawasan DUN Peramu Jaya, Pekan, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*. Vol. 6(4): 1-20.
- Kamri, K.A., Mdyusoff, R., Syahid, A. & Ahmad, M. F. (2019). A Systematic Literature Review on Civic Engagement Form Among Youth: Online Participation. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23(3). 573-586.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Laldin, M. A., & Furqani, H. (2013). Maqasid al-Shariah and the foundational requirements in developing Islamic banking and finance. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 5(1), 137–160.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Beverly Hills: Sage.
- Mahadi, M. H., Jalil, M. H., Ismail, A. M. & Pauzi, N. S. (2022). Pembangunan Belia Malaysia dan Sustainable Development Goals (SDG): Satu Analisis Kritis Dari Perspektif Islam dan Kepimpinan. *Proceeding Science, Ethics & Civilization*. Vol. 1: 21-29.
- Mahadir, N. B., Baharudin, N. H. & Hashim, N. N. (2021). Digital Citizenship Skills Among Undergraduate Students in Malaysia: A Preliminary Study.
- Mashitah, S. et al. (2018). Pengetahuan Dan Kefahaman Agama Dalam Kalangan Belia Melayu di Lembah Kelang. *Dlm: Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*. Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor.
- Ministry of Youth and Sports (KBS). (2023). *Malaysia Youth Development Index 2023*.
- Mohamad Japeri, M., Mohamad, A., & Osman, K. (2022). Penagihan Dadah Dalam Kalangan Belia Dan Impaknya Terhadap Psikologi Ibu Bapa. *Al-Hikmah*, 14(1), 21-36.

- Mohd Ismail, M. (2005). *Menjadi belia cemerlang*. Bentong. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Mohd Nor, M.H., Alias, A. & Musa, M. F. (2018). Social Capital in Youth Volunteerism. *Journal of Malaysia Institute of Planners*. Vol. 16(4): 176-187.
- Mohd Shukri, A., Aziz, M., & Rahman, F. (2021). Challenges of Muslim youth in Malaysia: Towards a maqasid-based development model. *Journal of Contemporary Islamic Research*, 11(1), 77-92.
- Nasir, M. A. M., Omar, M. S. L. S., Ismail, S., Ali, N. A. M., & Faudzi, F. N. M. (2023). Exploring the Underlying Factor Structure of Youth Mental Health in Malaysia. *Psychology*, 14, 880-897. <https://doi.org/10.4236/psych.2023.145047>
- Nassar-McMillan, S. C., & Borders, L. D. (2002). Use of focus groups in survey item development. *The Qualitative Report*, 7(1), 1-12.
- Othman, N., Othman, N. & Rosli, H. F. (2021). Keciciran Pelajar di Peringkat Pendidikan Tinggi: Punca dan Penyelesaiannya. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 3. No. 1: 738-747.
- Pandian, A., Baboo. S. B & Yi, L. J. (2020). Reading the 21st Century World: Self-Assessment of Digital Media Literacy Among Secondary School Students in Malaysia. *International Journal of Asian Social Science*. 10(7): 350-359.
- Pratiwi, I. E. (2023). Socioeconomic Development in Muslim Countries: Ibn Khaldun's Development Model-Based Approach. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*. 9(2): 251-274.
- Rahman, H. A. (2020). Malaysian Youth and Environmental Sustainability: A Review. *Jurnal Perspektif*.43-54.
- Raquib, A., Javaid, O., Anjum, G. (2020). Creation of the Islamic Self for Sustainability: Can Muslim Entrepreneurship Positively Contribute to the SDGs Through Tazkiyah and Tarbiyah of the Muslim Youth. *Journal of Islamic Business and Management*, Vol. 10 (2): 323-342.
- Rasiah R., Kaur, H., A.H. Baharom, Turner, J.J., Habibullah M.S., Awang Marikan D.A., & Singaram, N. (2021). The Sociology of Reading Among Malaysian Youth: Building a Culture of Reading to Enhance Environmental Awareness and Develop Pro-Environmental Behaviour. *Educational Sciences: Theory and Practice*, 22 (1), 116-126.
- Roztock, N., Soja, P. & Weistroffer, H. R. (2019). The Role of Information and Communication Technologies in Socioeconomic Development: Towards A Multi-Dimensional Framework. *Journal of Information Technology for Development*. 25(2): 171-183.
- Rublev. G., Bogdanova, L., Krasnousov, S. & Kolmakov, V. (2021). Socio-economic Model of Sustainable Development. *Web of Conferences*. 244: 1-7.
- Saleh, Y., Hashim, M., Mahat, H., & Nayan, N. (2017). Issues of rural-urban transformation on the fringe of metropolitan region: Several findings from the Selangor Northern Corridor, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 2222-6990.
- Sedaghatnia, S., Ghamramanpouri, A. & Lamit, H. (2018). Determinants of Student Social Inclusion in Malaysian Universities. *Asian Journal of Behavioural Studies (AjBeS)*. 3(12): 53-62.
- Shaharudin, I., Abdul Samad, H., Ruslan, R., & Abdul Hadi, H. S. (2016). Transformasi dan dayahuni perumahan di Malaysia. *Transformasi dan dayahuni habitat manusia*, 157- 174.
- Umar, S.M.R.S., Mohd Arshad, M.N., Ariffin, M.I. (2021). Covid-19 Pandemic and Addressing Digital Divide in Malaysia. *Journal of Information and Digital Technologies*, Vol.3 (2): 29-49.

- Ummi Salwa et al. (2018). Konsep Pembangunan Sosio-Ekonomi Kampung Bercirikan Mizan. Conference: International Islamic and Science Seminar (SAIS).
- Yubidi, K., D., & Othman, N. (2022). Hubungan Pendidikan Keusahawanan Dengan Operasi Perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana Golongan Belia di Ranau. *Jurnal Dunia Perniagaan*. 3(4): 17-30.
- Yusoff, M. (2016). Kesehatan mental remaja dan pendekatan Islam. *Jurnal Psikologi Islam*, 4(1), 20–35.